

## KUMPULAN BIMB TERUS BERDAYA TAHAN MENDEPANI CABARAN SUKU PERTAMA 2022

### SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) Kumpulan mencatatkan RM159.3 juta, naik 108.5% daripada 4Q2021.
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) Tahunan adalah 6.4% dan Pulangan Sesaham (EPS) 4.95 sen.
- Pembiayaan Kasar meningkat sebanyak 6.7% y-o-y kepada RM59.8 bilion.
- Kedudukan modal yang sihat dengan Jumlah Nisbah Modal pada 19.5%.

---

**KUALA LUMPUR, Selasa, [31 Mei 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB atau Kumpulan) terus berada pada landasan yang baik ke arah mencapai aspirasi pelan perniagaan lima tahunnya, LEAP25. PBZT bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2022 (1Q2022) meningkat sebanyak 108.5% kepada RM159.3 juta berbanding RM76.4 juta pada suku terdahulu berakhir 31 Disember 2021 (4Q2021).

Pertumbuhan ketara tersebut disumbangkan terutamanya oleh peruntukan bersih lebih rendah dikenakan untuk rosot nilai pembiayaan dan aset kewangan lain serta perbelanjaan overhead lebih rendah yang sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan bukan berasaskan dana lebih rendah. BIMB juga menyaksikan pemulihan dalam prestasi operasi seiring dengan pengukuhan momentum ekonomi. Ia dipacu oleh pematuhan usaha-usaha pengawalan kos dan peruntukan lebih rendah pada 1Q2022 berbanding 4Q2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kumpulan kami komited merealisasikan aspirasi dan strategi LEAP25 dengan bersandarkan kepada jangkaan pemulihan ekonomi negara. Pada masa ini kami berada di fasa pertumbuhan baharu yang berasaskan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk memacu penyampaian perkhidmatan dan prestasi perniagaan. Kami telah memulakan langkah membangunkan Rangka Kerja ESG BIMB dengan menerapkan pengurusan risiko iklim dan pengurusan risiko mampan dalam aspek penilaian kredit. Aspirasi LEAP25 BIMB adalah untuk menjadi peneraju penyelesaian pembiayaan ESG lengkap menjelang tahun 2025."

“Mengenai penawaran perbankan digital, kami telah mengambil langkah proaktif dalam meletakkan teknologi, tenaga kerja dan produk yang bersesuaian untuk memenuhi segmen sasaran. Kami berharap untuk memperkenalkan kemudahan perbankan digital Bank Islam menjelang suku ketiga 2022,” tambah beliau.

Usaha pendigitalan lain oleh Kumpulan BIMB termasuk memanfaatkan keupayaan kecerdasan buatan (AI) terkini menerusi jalinan kerjasama strategik antara cabang pengurusan pelaburan kami, BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) dan Arabesque Asset Management Ltd, UK (Arabesque), sebuah unit milik penuh Arabesque Holding Ltd (dahulunya Arabesque Asset Management Holding Ltd) yang berpangkalan di United Kingdom.

Pada 15 April 2022, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan cadangan pemerolehan 49% pegangan ekuiti dalam BIMB Investment oleh Arabesque. Susulan langkah tersebut, BIMB Investment akan menjadi syarikat pengurusan Dana Syariah-ESG Global dengan keupayaan untuk menguruskan dana pelabur tempatan dan asing serta memperluaskan sayap perniagaannya melangkaui Malaysia. Ini sekali gus akan meletakkan BIMB sebagai hab penyelesaian pelaburan mampan Islam di peringkat global.

Peruntukan bersih untuk pembiayaan dan aset kewangan lain yang terjejas untuk 1Q2022 adalah lebih rendah daripada 4Q2021, iaitu sebanyak RM66.5 juta kepada RM45.4 juta.

Jumlah perbelanjaan overhead bagi 1Q2022 susut sebanyak RM58.5 juta atau 16.6% kepada RM293.7 juta berbanding RM352.2 juta yang dicatatkan pada 4Q2021. Sebahagian besar penurunan tersebut disebabkan oleh perbelanjaan kakitangan dan am yang lebih rendah. BIMB akan berusaha secara proaktif untuk menguruskan kos secara berhemah bagi memastikan perniagaan kekal berdaya saing dan mampan dalam persekitaran operasi yang mencabar.

Dalam tempoh yang dikaji, pendapatan bukan berasaskan dana BIMB turun sebanyak 48.8% kepada RM45.3 juta, daripada RM88.5 juta, disebabkan oleh kerugian bersih penilaian semula sekuriti pelaburan ekoran keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan.

Walaupun terdapat penurunan, secara postifnya jumlah aset Kumpulan berkembang sebanyak 11.2% tahun-ke-tahun (y-o-y) pada kedudukan RM80.5 bilion setakat 31 Mac 2022, manakala aset bersih sesaham adalah RM3.09.

Susulan pembukaan aktiviti ekonomi domestik secara berperingkat berikutan kadar vaksinasi COVID-19 lebih tinggi serta sentimen pasaran lebih positif, Kumpulan juga

menyaksikan peningkatan sebanyak 6.7% dalam pembiayaan kasar kepada RM59.8 bilion. Sebagai perbandingan, akaun deposit dan pelaburan pelanggan menunjukkan pengukuhan y-o-y sebanyak 10.8% atau RM6.6 bilion pada RM68.0 bilion menjelang akhir Mac 2022.

Komposisi jumlah akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksional (CASATIA) berada pada aras sihat iaitu 38.6% daripada jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan. Angka itu lebih baik berbanding 32.6% yang dicatatkan industri.

Setakat 31 Mac 2022, nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah 1.02%. Angka tersebut kekal lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.54%.

Prestasi 1Q2022 yang lebih baik diterjemah kepada perolehan sesaham (EPS) Kumpulan sebanyak 4.95 sen dan Pulangan Ekuiti (ROE) bersih tahunan 6.4%.

Jumlah Nisbah Modal Kumpulan kekal teguh pada 19.5% dan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menyediakan penimbal yang mencukupi bagi kemungkinan kerugian serta memacu pertumbuhan perniagaan.

### **Tinjauan Kumpulan**

Pada tahun 2022, Bank Negara Malaysia (BNM) meramalkan ekonomi negara akan berkembang antara 5.3% dan 6.3% dengan purata kadar inflasi di antara 2.2% dan 3.2%. Keputusan BNM untuk meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 2.00% pada mesyuarat Jawatankuasa Polisi Monetari pada 11 Mei lalu menunjukkan bahawa Bank Pusat selesa dengan hala pertumbuhan ekonomi negara.

Kumpulan menjangkakan OPR akan dinaikkan 25 mata asas lagi dan sebarang peningkatan dalam OPR akan memberikan kesan positif terhadap keuntungan Kumpulan.

Mohd Muazzam berkata, "Sungguhpun pembukaan semula ekonomi serantau membawa kepada pertumbuhan pembiayaan dan mengurangkan caj-caj yang terjejas, namun pasaran lemah yang dilihat sebelum ini telah mengurangkan impak-impak positif ini. Walau bagaimanapun, Kumpulan kekal waspada dengan ketidaktentuan ekonomi sekitar termasuk gangguan pertumbuhan dagangan, kenaikan melambung harga komoditi serta perkembangan situasi geopolitik."

Beliau menambah, "Kumpulan akan meneruskan langkah perniagaan dan saluran kami dalam mencapai matlamat menjelang tahun 2025 menerusi lima pemacu perniagaan khususnya Pengurusan Kekayaan, Kewangan Sosial, Bank Digital, Perbankan Perusahaan

dan Pukal (Wholesale). Ia berlandaskan perniagaan utama Kumpulan iaitu Perbankan Pengguna, Perbankan PKS, Perbankan Komersial, Perbankan Korporat, Perbendaharaan, Pengurusan Deposit & Tunai serta BIMB Investment."

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)